



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 4/97
PENERIMAAN BORANG DI KAUNTER PUBLIC BANK BERHAD

Tujuan pekeling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada majikan berkaitan penerimaan pembayaran faedah (Borang D) di kaunter Public Bank Berhad.

2. Faedah akan dikenakan kepada majikan yang membuat pembayaran levi yang melebihi dari tempoh masa yang ditetapkan (tertunggak). Akta Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan 1996) berkuatkuasa mulai 26 Ogos 1996 telah membenarkan faedah sebanyak sepuluh peratus setahun dengan bayaran minima sebanyak RM 5.00.
3. Sebelum ini pembayaran faedah menggunakan Borang D hanya diimplementasikan dan diterima oleh kaunter di Sime Bank Berhad sahaja.
4. Memandangkan pada masa itu Public Bank Berhad masih sedang menarik taraf sistem komputer, mereka tidak dapat menerima bayaran tunggakan (Borang D). Dengan sukacitanya, pihak Majlis telah dimaklumkan oleh pihak Public Bank Berhad bahawa berkuatkuasa 01 Julai 1997, pihak majikan dibolehkan untuk membayar faedah menggunakan Borang D di mana-mana cawangan Public Bank Berhad.
5. Diharapkan dengan penerangan ini pihak majikan mendapat makluman yang benar dan sah.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,
(WAHAB BIN TASLIM)
b.p Ketua Pengarah Majlis Pembangunan Sumber Manusia

